

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 31/5/2012
Hari: CHAMIS MIS: 4
Ruangan: KASIONAL

Konvensyen bantu kurang jurang ekonomi negara Islam

KUALA LUMPUR: Konvensyen Pertubuhan Sekolah Perniagaan Negara Islam Sedunia (WAIBS) bukan saja menggalakkan rangkaian kerjasama positif antara sekolah, perniagaan di negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), malah membantu menguruskan jurang ekonomi antara negara Islam.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata

sebanyak 22 negara Islam berada dalam kelompok rakyat berpendapatan rendah manakala 20 lagi berpendapatan sederhana rendah.

Katanya, tujuh negara Islam berada dalam kelompok rakyat berpendapatan tinggi dan lapan lagi berpendapatan sederhana tinggi.

"Sudah tiba masa konvensyen ini diadakan sebagai platform berkesinambungan untuk sekolah perniagaan negara Islam dalam membantu mengatasi isu dan masalah

melanda negara untuk berkongsi, bertukar idea serta kepakaran membantu kemajuan ahlinya.

"Menerusi perbincangan serta jalinan kerjasama dalam konvensyen ini, sekolah perniagaan negara Islam sedunia akan menerima manfaat dari segi ekonomi serta perniagaan dan pengurusan.

"Ia termasuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran dalam pelbagai sektor seperti perbankan Islam, hab halal, dan modul perni-

gaan" katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis prapelancongan WAIBS dan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) UUM dan AMTECH Chemical Sdn Bhd, di Hotel Royal Chulan, di sini, semalam.

Konvensyen WAIBS akan diadakan pada 8 dan 9 Julai ini di Langkawi, dianjurkan Orhman Yeop Graduate School of Business (OYA- GSB) UUM.